

PERATURAN PERNIAGAAN CBO

1. KELAYAKAN

- 1.1 Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini dan polisi-polisi tertentu yang ditetapkan oleh CNI dari semasa ke semasa, setiap individu yang berumur 18 tahun ke atas, tidak mengira jantina, bangsa, kepercayaan politik atau agama boleh memohon untuk mendaftar sebagai CBO dengan syarat pemohon tersebut ialah warganegara atau penduduk tetap Malaysia dan dia ditaja oleh seorang CBO yang berdaftar dan sah.
- 1.1A Seorang pengedar yang sah dari Syarikat akan dikenali sebagai “CBO”, iaitu singkatan untuk “CNI Business Owner” dan sebarang rujukan kepada “pengedar” atau “keahlian” dalam Peraturan ini akan merujuk kepada CBO.
- 1.2 (a) Pasangan suami isteri tidak dibenarkan saling menaja atau ditaja oleh CBO yang lain untuk memperoleh keahlian yang berasingan selain dari kaedah yang dibenarkan dalam Peraturan-Peraturan ini.
- (b) Pasangan suami isteri yang berpangkat eksekutif yang telah dilantik secara berasingan sebagai CBO sebelum berkahwin dibenarkan meneruskan keahlian CBO pangkat eksekutif masing-masing dengan syarat keahlian CBO pangkat eksekutif masing-masing belum luput atau ditamatkan dan tertakluk kepada perlantikan yang wajib dibuat bagi menetapkan salah satu keahlian CBO tersebut sebagai keahlian utama untuk perkahwinan monogami manakala bagi perkahwinan poligami adalah tertakluk kepada Peraturan 1.2(g) di bawah.
- (c) Apabila hanya salah seorang atau tidak seorangpun daripada pasangan suami isteri dapat mencapai pangkat eksekutif, pasangan suami isteri dibenarkan untuk mengekalkan hanya salah satu keahlian CBO pilihan mereka sahaja dan keahlian CBO yang satu lagi akan ditamatkan. Sekiranya tiada perlantikan dibuat oleh pasangan suami isteri berkaitan, maka CNI berhak menamatkan salah satu daripada keahlian CBO tersebut. Setelah penamatan tersebut, keahlian CBO yang ditamatkan itu akan, mengikut budi bicara mutlak Syarikat:
- (i) dipegang oleh Syarikat untuk diuruskan mengikut cara yang dianggap sesuai oleh Syarikat; atau
 - (ii) downline bagi CBO yang ditamatkan keahlian boleh dipindahkan ke atas; atau
 - (iii) status quo dikekalkan dengan menggantikan CBO yang ditamatkan keahlian dengan placeholder
- bebas dari sebarang tuntutan oleh CBO yang ditamatkan keahliannya dan/atau upline atau downline beliau.
- (d) Peraturan 1.2 (c) juga terpakai bagi pasangan poligami dan monogami yang sah kecuali dalam keadaan di mana CBO lelaki yang berkenaan mempunyai lebih daripada seorang (1) isteri yang sah atau jika CBO wanita berkenaan berkahwin dengan seorang lelaki yang mempunyai lebih daripada satu (1) isteri yang sah maka:
- (i) apabila CBO yang didaftarkan adalah si suami, maka isteri atau isteri-isteri yang lain boleh memohon keahlian CBO berasingan dengan syarat permohonan keahlian CBO berasingan tersebut ditaja oleh si suami dan dalam hal ini keahlian CBO secara berasingan untuk isteri atau isteri-isteri itu akan dianggap sebagai keahlian utama yang berasingan daripada si suami. Untuk mengelakkan keraguan, pasangan yang dinamakan atau penama tidak berhak untuk memohon keahlian CBO yang berasingan;
 - (ii) apabila CBO adalah si isteri, isteri atau isteri-isteri lain kepada si suami itu boleh memohon keahlian CBO yang berasingan dengan syarat permohonan untuk keahlian CBO yang berasingan itu ditaja oleh si isteri tersebut, dan dalam hal ini keahlian secara berasingan bagi isteri atau isteri-isteri lain itu akan dianggap sebagai keahlian utama yang berasingan daripada si isteri tersebut.
 - (iii) apabila isteri atau isteri-isteri lain itu telah pun menjadi CBO kepada Syarikat sebelum berkahwin maka isteri atau isteri-isteri lain itu dibenarkan untuk mengekalkan keahlian CBO masing-masing secara individu/berasingan dengan Syarikat dan dalam hal ini keahlian CBO berasingan bagi isteri atau isteri-isteri lain itu akan dianggap sebagai keahlian utama.
- (e) Bagi tujuan peraturan-peraturan di sini, rujukan kepada ‘isteri atau isteri-isteri lain’ bermaksud isteri atau isteri-isteri lain yang sah kepada CBO tersebut selain daripada isterinya yang dinamakan atau penama sebagai pasangan CBO dalam borang permohonan atau pemberitahuan lain dan apabila CBO tidak memasukkan nama isterinya dalam borang permohonan keahlian atau pemberitahuan lain, rujukan kepada “isteri atau isteri-isteri lain” dalam peraturan ini adalah bermaksud isteri atau isteri-isteri yang lain kepada CBO tersebut selain daripada isteri pertama beliau.

(f) Pengedar berpangkat Intan dan ke atas, dengan persetujuan Syarikat boleh:

- (i) menaja pasangan sendiri menjadi pengedar downline langsung sendiri; atau
- (ii) menaja diri sendiri sebagai pengedar downline langsung sendiri

KEKAL TERTAKLUK bahawasanya seorang CBO yang ditaja di bawah Peraturan 1.2(f)(i) atau (ii) seperti di atas akan hanya layak menikmati bonus dan tabung aset serta tabung kereta (jika layak) tetapi tidak akan layak menerima penganugerahan kenaikan pangkat dan/atau sebarang insentif pelancongan berkaitan dengan pangkat. Di samping itu, CBO yang menaja akan sentiasa menjadi CBO utama sebagaimana yang ditakrifkan seperti berikut dan penaja yang ditaja akan menjadi CBO sekunder.

(g) Apabila seorang CBO dan/atau pasangan beliau, secara berasingan atau secara kolektif, mempunyai atau mengekalkan lebih daripada satu (1) keahlian, CBO tersebut dan/atau pasangan beliau mesti melantik salah satu keahlian sebagai CBO utama dan satu lagi CBO sekunder.

CBO utama akan layak menikmati kesemua hak, keistimewaan dan faedah seorang CBO. CBO sekunder hanya akan layak menikmati bonus, tabung kereta dan tabung aset tetapi tidak layak menerima penganugerahan untuk kenaikan pangkat dan/atau sebarang pelancongan berkaitan pangkat. Bagi tujuan Peraturan ini dalam kes yang melibatkan perkahwinan poligami yang sah dari sisi undang-undang, keahlian yang dipegang oleh pasangan yang menjadi penama atau isteri pertama akan menjadi CBO sekunder.

CONTOH

- (i) *Ah Chong dan Ah Mooi sudah berkahwin. Ah Chong ialah seorang CBO manakala Ah Mooi bukan CBO. Mana-mana CBO tidak dibenarkan menaja Ah Mooi menjadi CBO [Peraturan 1.2 (a)].*
- (ii) *Andy dan Cindy belum berkahwin dan kedua-duanya CBO berpangkat eksekutif. Andy dan Cindy kemudiannya berkahwin. Andy dan Cindy boleh mengekalkan keahlian pangkat eksekutif mereka secara berasingan tetapi mereka perlu melantik salah satu keahlian mereka sebagai CBO utama [Peraturan 1.2(b)].*
- (iii) *Alex dan Dianne ialah CBO berpangkat eksekutif. Alex tidak memperbaharui keahliannya dan membiarkan keahliannya luput. Kemudian, Alex bercadang untuk mendaftar semula sebagai CBO. Alex tidak boleh ditaja oleh mana-mana CBO termasuk isterinya, Dianne (Peraturan 1.2(a) dan 1.2(b)).*
- (iv) *Andrew dan Catherine belum berkahwin dan merupakan CBO berpangkat bukan eksekutif. Muniandy juga belum berkahwin dan merupakan CBO berpangkat eksekutif manakala Nagamah belum berkahwin dan merupakan CBO berpangkat bukan eksekutif.*

Kemudian Andrew berkahwin dengan Catherine dan Muniandy berkahwin dengan Nagamah.

Selepas berkahwin, Andrew dan Catherine mestilah melepaskan salah satu keahlian mereka Muniandy dan Nagamah juga mestilah melepaskan salah satu keahlian mereka. Jika pemilihan tidak dibuat, maka Syarikat boleh menamatkan mana-mana satu keahlian bagi pasangan suami isteri tersebut [Peraturan 1.2(c)].

- (v) *Ahmad ialah CBO dan telah berkahwin dengan Aminah, Siti, dan Zubaidah. Zubaidah telah dinamakan sebagai pasangan Ahmad di dalam borang permohonan. Mana-mana individu tidak dibenarkan menaja Zubaidah sebagai CBO (Peraturan 1.2(a)). Aminah dan Siti boleh menyertai CNI sebagai CBO tetapi mestilah ditaja oleh Ahmad dan bukannya orang lain (Peraturan 1.2(d)(i)).*

Dalam contoh di atas, jika Zubaidah ialah CBO yang berdaftar, maka Siti dan Aminah hanya boleh ditaja oleh Zubaidah [Peraturan 1.2(d)(ii)] dan mana-mana individu tidak boleh menaja Ahmad [Peraturan 1.2(a)].

- 1.3 CNI berhak menolak sebarang permohonan untuk berdaftar sebagai CBO tanpa memberi sebarang alasan.
- 1.4 Sesebuah syarikat atau perniagaan perkongsian tidak dibenarkan memohon untuk berdaftar sebagai CBO.
- 1.5 CBO yang keahliannya telah luput atau atas keinginan sendiri menyerahkan atau menamatkan keahlian boleh memohon semula untuk berdaftar sebagai CBO di bawah penaja terdahulu pada bila-bila masa tertakluk kepada peruntukan Peraturan 1.2 seperti yang di atas.

- 1.6 (a) Tertakluk kepada kelulusan Syarikat dan tertakluk kepada peruntukan Peraturan 1.2 seperti yang di atas, seorang bekas CBO boleh ditaja di bawah cabang atau organisasi yang berlainan jika beliau telah menjadi tidak aktif dalam jangkamasa tidak kurang daripada enam (6) bulan berturut-turut sebelum memohon keahlian baru sebagai CBO dan tidak kurang daripada enam (6) bulan telah berlalu dari luputnya Tempoh Keahlian beliau.
- (b) Seseorang itu dianggap aktif (active) jika beliau menjual atau cuba menjual atau membantu menjual mana-mana produk Syarikat; jika beliau mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dalam mana-mana tahap penjualan produk CNI, atau jika beliau membantu menaja mana-mana orang sebagai CBO atau Preferred Customer; atau jika beliau mengambil bahagian atau hadir (sama ada secara peribadi atau sebagai penama atau wakil kepada CBO lain) dalam mana-mana majlis atau aktiviti yang dianjurkan oleh Syarikat atau majlis atau aktiviti yang berkaitan dengan Syarikat yang dianjurkan oleh CBO; atau jika beliau membuat persembahan tentang CNI Achievement Plan (CAP) kepada CBO berpotensi; atau jika beliau dilihat atau hadir di mana-mana Pusat Pengedaran, Pusat Jualan atau tempat-tempat lain di mana Syarikat atau CBO menjalankan perniagaan. Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, peruntukan Peraturan 2.6(b) juga terpakai bagi Peraturan 1.6(b) ini.
- (c) Seseorang pemohon mesti memberi pengakuan bertulis sama ada dia atau pasangannya adalah atau pernah menjadi CBO kepada Syarikat dan hendaklah menyatakan dalam pengakuan tersebut sebab (atau sebab-sebab) penamatan keahliannya atau pasangannya. Jika bekas CBO tersebut gagal atau lalai membuat pengakuan bertulis atau membuat pengakuan yang mengelirukan atau pengakuan palsu, Syarikat berhak menamatkan keahliannya pada bila-bila masa.

CONTOH

Ahmad ditaja oleh Bakri dan Tempoh Keahlian Ahmad sah dari 1/1/2005 hingga 31/12/2005. Ahmad menamatkan keahliannya pada 1/5/2005. Ahmad boleh menyertai semula sebagai CBO pada bila-bila masa jika dia ditaja oleh Bakri (Peraturan 1.5).

Jika Ahmad ingin ditaja oleh orang lain selain Bakri, dia hanya boleh berbuat demikian mulai 1/7/2006 jika dia benar-benar tidak aktif sejak tamat tempoh keahliannya [Peraturan 1.6(a)]

- 1.7 (a) Seorang CBO tidak dibenarkan memegang lebih daripada satu (1) keahlian pada satu-satu masa, selain dari yang dibenarkan dalam Peraturan ini, dan dia tidak dibenarkan berhasrat atau mempunyai atau memiliki sebarang kepentingan kewangan (secara langsung atau tidak langsung) pada keahlian CBO yang lain selain daripada sebarang kepentingan yang diperolehi daripada pemindahan jualan atau penyerahan hak yang mana Syarikat telah bersetuju secara bertulis atau diperolehi menurut Peraturan 9.4 seperti yang di bawah.
- (b) Seorang CBO tidak boleh bersepakat dengan seseorang CBO lain di mana dia berada di bawah bidang kuasa kawalan CBO yang lain itu atau CBO yang lain itu mempunyai atau memiliki kepentingan kewangan (secara langsung atau tidak langsung) daripada keahlian dia.
- 1.8 Lanjutan kepada Peraturan 1.7(a) dan (b) seperti yang di atas, seseorang tidak boleh memohon atau didaftarkan sebagai CBO jika dia adalah penama kepada seorang CBO lain atau orang lain. Seseorang individu dianggap sebagai penama kepada seorang CBO lain atau orang lain jika:
- (a) CBO lain dan/atau orang lain itu mengambil bahagian atau membantu penjualan, penajaan dan/atau promosi untuk penama tersebut; atau
- (b) CBO lain dan/atau orang lain itu menerima atau diberi apa-apa faedah daripada komisyen jualan atau insentif penama tersebut; atau
- (c) penama yang tersebut mengizinkan, membiarkan atau memberi kuasa kepada CBO lain atau orang lain itu menggunakan bonus atau komisyen yang dibayar kepada penama tersebut untuk membeli barang atas nama CBO lain dan/atau orang lain itu atau pembelian oleh lain-lain CBO; atau.
- (d) penama tersebut menggunakan alamat CBO lain dan/atau orang lain itu untuk semua atau sebarang tujuan surat menyurat penama dengan Syarikat.

- 1.9 (a) Apabila CBO menyembunyikan atau gagal memberitahu kepada Syarikat mengenai apa-apa maklumat yang jikalau diberitahu boleh mengakibatkan Syarikat menolak permohonan CBO, atau memberikan maklumat palsu atau mengelirukan kepada Syarikat, maka dalam keadaan demikian, Syarikat mengikut budi bicaranya berhak:
- (i) menamatkan keahlian CBO pada bila-bila masa dan/atau
 - (ii) memindahkan atau mengalihkan CBO tersebut dan kesemua atau sebahagian daripada tajaan (downline) ke kumpulan lain yang difikirkan sesuai oleh Syarikat atau ke organisasinya yang terdahulu jika CBO tersebut telah mempunyai keahlian sebagai CBO; dan/atau
 - (iii) menguruskan hal ini mengikut kaedah yang difikirkan sesuai oleh Syarikat; dan/atau
 - (iv) menggantikan keahlian CBO dengan place holder; dan/atau
 - (v) menggantung keahlian CBO untuk suatu tempoh; dan/atau
 - (vi) mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan sesuai oleh Syarikat.

Pendedahan informasi yang disebut di atas tidaklah terhad kepada informasi yang tercatat di dalam borang permohonan. CBO adalah bertanggungjawab untuk memberitahu atau mendedahkan segala informasi yang berkaitan kepada Syarikat.

- (b) Apabila CNI mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang penaja tahu atau seharusnya tahu bahawa CBO yang ditajanya menyembunyikan atau gagal memberikan maklumat yang dinyatakan dalam Peruntukan 1.9(a) seperti yang di atas atau memberikan maklumat palsu atau mengelirukan kepada Syarikat, maka Syarikat berhak mengambil tindakan yang difikirkan sesuai terhadap penaja tersebut termasuk tetapi tidak terbatas kepada penggantungan keahlian, menahan bonus, komisyen faedah dan insentif serta menamatkan keahlian penaja tersebut.
- 1.10 Tanpa menjejaskan lain-lain hak dan kuasa Syarikat, jika didapati atau Syarikat mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang CBO mempunyai dua (2) atau lebih keahlian/CBO yang berasingan atas nama diri sendiri (kecuali dibenarkan dalam Peraturan ini) atau melalui penamanya (penama-penamanya) atau dianggap mempunyai dua (2) atau lebih keahlian/CBO berasingan Syarikat mempunyai hak mutlak untuk:
- (a) menamatkan semua atau mana-mana keahlian/CBO yang tidak dibenarkan dan tajaan (downline) bagi keahlian/CBO yang ditamatkan itu akan dipindahkan ke atas; atau
 - (b) menamatkan semua atau mana-mana keahlian/CBO yang tidak dibenarkan dan/atau memindahkan atau mengalihkan keahlian/CBO yang ditamatkan itu dan kesemua atau sebahagian daripada tajaan (downline) kepada keahlian/CBO yang pertama atau kumpulan yang dianggap sesuai oleh Syarikat termasuk tetapi tidak terhad kepada memindahkan kesemua downline keahlian/CBO yang ditamatkan kepada penaja (upline) keahlian/CBO yang pertama; atau
 - (c) atau menamatkan kesemua atau mana-mana keahlian/CBO yang tidak dibenarkan dan menggantikan keahlian/CBO yang ditamatkan dan/atau yang tidak dibenarkan itu dengan place holder atau menguruskan keahlian yang ditamatkan dan/atau yang tidak dibenarkan itu mengikut kaedah yang difikirkan sesuai oleh Syarikat;

dan dalam hal sedemikian CBO tersebut akan menanggung segala kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Syarikat akibat daripada penamatan atau pembatalan atau perpindahan atau pengalihan yang tersebut.

- 1.11 Apabila CNI melaksanakan haknya untuk memindah atau mengalih mana-mana CBO dan/atau tajaan (downline) atau sebahagiannya kepada kumpulan lain, Syarikat tidak perlu mendapatkan kebenaran mana-mana CBO (sama ada upline atau downline) kumpulan yang akan dipindahkan/dialihkan atau daripada kumpulan yang akan menerima pemindahan/pengalihan dan mana-mana CBO (di dalam atau di luar daripada kumpulan-kumpulan itu) tidak berhak membuat sebarang tuntutan untuk sebarang kerugian atau kerosakan dalam apa cara sekalipun yang dialami akibat atau berkaitan dengan pemindahan atau pengalihan mana-mana CBO dan/atau kumpulan yang tersebut.

- 1.12 Jika CBO mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang CBO yang lain mempunyai dua (2) atau lebih keahlian yang tidak dibenarkan bersama Syarikat dengan cara melalui nama sendiri atau penama atau pasangannya, maka CBO itu boleh mengemukakan aduan bertulis kepada Syarikat dan mengemukakan dokumen berkaitan yang menyokong aduan itu kepada Syarikat dan Syarikat atas budi bicara mutlaknya akan mengambil tindakan yang difikirkan sesuai oleh Syarikat jika Syarikat berpuashati bahawa aduan itu adalah benar kekal tertakluk bahawasanya Syarikat berhak untuk tidak mempertimbangkan mana-mana aduan yang dibuat selepas genap tempoh dua (2) tahun dari tarikh CBO yang lain itu diterima menjadi CBO kepada Syarikat. Tiada apa-apa dalam dokumen ini akan menjejaskan hak dan kuasa Syarikat di bawah Peraturan 1.10 yang terkandung di dalam ini.

2. CARA MEMOHON

- 2.1 Pemohon mesti mengemukakan permohonan dengan menggunakan borang permohonan yang ditetapkan oleh Syarikat berserta yuran pendaftaran. Setiap pemohon mesti ditaja oleh seorang CBO Syarikat.
- 2.2 Apabila terdapat mana-mana maklumat yang diakui atau dinyatakan di dalam borang yang ditetapkan adalah palsu atau mengelirukan atau salah atau Syarikat mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa maklumat tersebut adalah palsu, mengelirukan atau salah, maka Syarikat berhak untuk:
- (i) menamatkan keahlian CBO dengan serta merta; atau
 - (ii) memindahkan atau mengalihkan CBO dan/atau kesemua atau sebahagian daripada tajaannya (downline) ke kumpulan lain yang difikirkan sesuai oleh Syarikat atau menggantikan keahlian CBO tersebut dengan place holder atau menguruskan hal itu mengikut cara yang difikirkan sesuai oleh Syarikat; atau
 - (iii) menggantung keahlian CBO untuk sebarang tempoh; atau
 - (iv) menahan apa-apa bonus, komisyen, faedah atau insentif yang patut diberikan atau terakru kepada CBO; atau
 - (v) mengambil apa-apa tindakan yang dianggap sesuai oleh Syarikat.
- 2.3 Pemohon yang berjaya akan dilantik dan didaftarkan sebagai CBO dan akan diberikan e-kad keahlian yang sah selama tempoh 12 bulan dan pemohon yang berjaya itu perlu mengemukakan kad pengenalan dan e-kad kuasa atau kad fizikal, mengikut keadaan, kepada pembeli berpotensi apabila mengadakan jualan dari pintu ke pintu.
- 2.4 (a) Pemohon berjaya yang namanya tercatat dalam borang permohonan akan didaftarkan sebagai CBO kepada Syarikat.
- (b) CBO yang telah berkahwin perlu mengemukakan nama dan maklumat pasangannya kepada Syarikat;
- (c) Apabila CBO mempunyai lebih daripada seorang isteri yang sah, beliau boleh menamakan salah seorang daripada isterinya untuk tujuan Peraturan 9.4(b) tersebut;
- (d) CBO digalakkan menamakan pewaris dan tertakluk kepada Peraturan di dalam ini, hak kepentingan dan faedah CBO akan diberikan kepada pewaris yang dinamakan jika dan hanya jika CBO itu tidak ada pasangan yang sah, atau pasangan yang sah tersebut atau pasangan yang dinamakan gagal untuk mengambil alih/memperoleh hak CBO itu mengikut Peraturan ini atau gagal memenuhi mana-mana syarat yang ditetapkan oleh Syarikat. Apabila pewaris yang dinamakan masih di bawah umur pada masa penamaan, CBO perlu melantik seorang pemegang amanah untuk memegang faedah sebagai amanah bagi pihak pewaris tersebut. Pewaris tersebut layak memansuhkan amanah itu apabila pewaris mencapai umur 18 tahun. Keputusan Syarikat tentang sama ada pasangan atau pasangan yang dinamakan telah gagal mengambil alih/memperoleh hak keahlian CBO itu menurut Peraturan di dalam ini atau gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Syarikat adalah muktamad dan tidak dapat dipertikaikan dan akan mengikat pasangan atau pasangan yang dinamakan atau pewaris, mengikut mana-mana yang berkenaan.

CONTOH

Ah Moi adalah isteri sah kepada Ah Beng. Ah Beng telah menamakan Ah Chai sebagai pewarisnya. Kemudian Ah Beng meninggal dunia.

Sekiranya isteri Ah Beng, iaitu Ah Moi mematuhi kesemua syarat-syarat yang ditetapkan oleh Syarikat untuk pemindahan keahlian CBO Ah Beng kepadanya maka Ah Chai tidak dapat menuntut apa-apa dan tidak ada hak terhadap keahlian CBO Ah Beng atau faedah-faedah atau hak-hak di bawahnya walaupun Ah Chai dinamakan sebagai pewaris.

Sekiranya isterinya, iaitu Ah Moi gagal untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Syarikat untuk pemindahan keahlian CBO Ah Beng kepadanya, Syarikat berhak memindahkan keahlian Ah Beng kepada Ah Chai. [Peraturan 2.5 (d)].

- 2.5 (a) Walaupun Syarikat membenarkan CBO dan pasangannya atau isteri yang dinamakan (dalam kes perkahwinan poligami yang sah) untuk berfungsi sebagai satu pasukan/unit dan walaupun Syarikat mengiktiraf pasangan atau pasangan yang dinamakan CBO di dalam acara rasminya atau penerbitannya, hanya individu yang namanya didaftarkan sebagai CBO berhak dibayar atau menerima bonus, komisyen insentif dan lain-lain faedah terakru atau layak diperolehinya. Pasangan atau pasangan yang dinamakan CBO, mengikut mana yang berkenaan, tidak mempunyai hak atau locus standi untuk membuat atau mengemukakan sebarang tuntutan terhadap Syarikat untuk sebarang bonus, komisyen, insentif dan faedah lain yang terakru atau layak diperolehi melainkan Peraturan 9.4(a),(b) atau (c) terpakai.
- (b) Apabila pasangan CBO membuat atau menjalankan sebarang tindakan atau perkara yang sekiranya dilakukan atau dijalankan oleh CBO itu akan menyebabkan :
- (i) pelanggaran mana-mana undang-undang atau peraturan yang mengawal jualan langsung; atau
 - (ii) pelanggaran mana-mana terma dan syarat-syarat dalam Peraturan ini atau Kod Etika; atau
 - (iii) memberi hak kepada Syarikat untuk menamatkan atau menggantung perlantikan CBO itu; atau
 - (iv) memberi hak kepada Syarikat untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap CBO itu merangkumi tetapi tidak terhad kepada penggantungan atau penahanan apa-apa bonus, komisyen, insentif atau lain-lain faedah;

maka dalam keadaan sedemikian tindakan pasangan tersebut adalah dianggap sebagai tindakan CBO itu dan semua hak dan remedi yang mungkin dimiliki oleh Syarikat terhadap CBO di bawah Peraturan ini atau dari sisi undang-undang atau ekuiti boleh dikuatkuasakan terhadap CBO seolah-olah tindakan pasangan CBO itu ialah tindakan CBO itu sendiri.

3. PENAJAAN

- 3.1 (a) Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini, hanya seseorang pengedar berdaftar sah sahaja boleh menaja sesiapa yang menepati kelayakan seperti yang tertera dalam Peraturan-Peraturan dan sebarang kriteria berkaitan yang diperlukan oleh CNI untuk menjadi CBO., Selepas menaja seseorang sebagai CBO Syarikat, penaja mesti menghantar borang yang telah dilengkapi serta lain-lain dokumen yang berkaitan kepada CNI dengan serta-merta untuk diproses.
- (b) CBO yang menaja individu lain untuk menjadi CBO kepada Syarikat perlu memastikan bahawa individu yang ditaja itu memenuhi syarat-syarat dalam Peraturan-Peraturan ini dan kriteria lain yang ditetapkan oleh pihak Syarikat dari semasa ke semasa dan individu itu layak serta sesuai untuk menjadi CBO kepada Syarikat, dan CBO itu khususnya perlu memastikan:
- (i) (A) bukan seorang Preferred Customer yang keahliannya sah kurang daripada 90 hari kecuali Preferred Customer itu ditaja sendiri oleh CBO itu;
 - (B) bukan seorang CBO yang sah atau suami/isteri kepada seseorang CBO kepada Syarikat yang sah keahliannya;
 - (ii) individu yang ditaja bukan penama kepada seseorang CBO atau bekas CBO atau suami/isteri kepada seseorang CBO atau bekas CBO
 - (iii) larangan yang ditetapkan dalam Peraturan 1.6 (a) tidak terpakai;
 - (iv) butiran yang diberikan oleh individu yang ditaja adalah diisi dengan lengkap dan benar dan CBO itu perlu memastikan dan menentusahkan bahawa butir-butir yang diberi sama seperti yang tertera pada kad pengenalan individu yang ditaja;
 - (v) individu yang ditaja menandatangani borang permohonan keahlian dan memahami sepenuhnya isi kandungan di dalamnya;
 - (vi) individu yang ditaja memahami sepenuhnya CAP dan Peraturan-Peraturan yang terkandung di dalam ini
- (c) CBO dilarang sama sekali mendapatkan atau melibatkan khidmat atau bantuan orang lain, pertubuhan, syarikat atau firma untuk membantunya menaja atau menjual tidak kira sama ada perkhidmatan atau pertolongan itu berbayar atau percuma. CBO dilarang mengambil bahagian dalam sebarang seminar, program atau aktiviti yang bertujuan menawarkan perkhidmatan atau bantuan sedemikian.

- (d) CBO juga dilarang, sama ada secara individu atau melalui firma, syarikat atau pertubuhan, menawarkan perkhidmatan dan bantuan sedemikian seperti yang tercatat dalam Peraturan 3.1(c) di atas kepada CBO kepada Syarikat atau orang awam atau cuba melakukan tindakan yang tersebut.
- (e) Mana-mana CBO yang didapati melanggar Peraturan 3.1(c) atau (d) atau (f) boleh dikenakan tindakan penamatan atau penggantungan atau sekatan ke atas keahliannya sepertimana yang difikirkan sesuai oleh Syarikat. Untuk mengelakkan kekeliruan, tidak menjadi kesalahan Peraturan 3.1(d) di atas jika CBO membantu downline sendiri dan jika perkhidmatan diberikan secara sukarela dan percuma dan tidak bercanggah dengan mana-mana Peraturan-Peraturan yang terkandung di dalam ini.
- (f) CBO adalah dilarang menjalankan atau menggalakkan penajaan mana-mana individu menjadi CBO melalui internet, platform e-Dagang, media sosial atau saluran elektronik yang lain kecuali mendapat kelulusan bertulis daripada Syarikat atau sehingga pada masa Syarikat meluluskan penajaan melalui media yang tersebut dan apabila CBO diberi kelulusan oleh Syarikat untuk membuat penajaan melalui saluran media yang tersebut atau Syarikat membenarkan mod penajaan seperti itu, pelaksanaan penajaan tersebut mesti mematuhi terma, syarat, peraturan dan etika yang ditetapkan oleh Syarikat dari semasa ke semasa.

3.2 CBO tidak boleh mendapatkan atau mendorong seseorang menjadi CBO kepada Syarikat:

- (a) secara paksaan, ancaman, ugutan atau desakan; atau
- (b) dengan membuat atau memberikan maklumat palsu atau mengelirukan atau penyampaian palsu termasuk pernyataan palsu yang mengatakan bahawa CBO boleh memperolehi keuntungan kewangan hanya dengan menaja individu menjadi CBO atau menokok tambah tentang pendapatan sebagai seorang CBO kepada Syarikat; atau
- (c) dengan memberikan atau menjanjikan hadiah berbentuk wang atau jenis sogokan dan insentif yang lain; atau
- (d) berbohong atau menipu dengan menggunakan nama atau logo atau cap dagang Syarikat untuk mendorong atau memujuk seseorang individu menjadi CBO; atau
- (e) dengan menggunakan khidmat pihak lain.

3.3 (a) CBO dilarang secara langsung atau tidak langsung memujuk atau menyebabkan CBO lain menyerahkan atau menamatkan keahliannya atau menjadi tidak aktif atau membiarkan keahliannya tamat atau meninggalkan penajanya.

- (b) Meskipun terdapat Peraturan 1.5 seperti yang di atas dan meskipun terdapat peruntukan tidak aktif bagi tempoh enam (6) bulan dalam Peraturan 1.6 (a) seperti yang di atas, seseorang CBO yang melanggar Peraturan 3.3 (a) seperti yang di atas tidak boleh menaja CBO lain seperti yang tersebut di atas ke dalam kumpulannya atau ke dalam kumpulan lain. Begitu juga CBO lain seperti yang tersebut di atas tidak boleh memohon semula atau ditaja oleh mana-mana CBO selain dari penaja asalnya.

3.4 CBO mesti serta-merta memberi latihan dan bimbingan perniagaan yang sewajarnya kepada CBO baharu yang ditajanya sebaik sahaja keahlian CBO baharu itu didaftarkan oleh Syarikat.

3.5 CBO mesti mengekalkan perhubungan yang bebas dan profesional dengan downline.

4. TEMPOH DAN PEMBAHARUAN KEAHLIAN

4.1 Kecuali ditamatkan keahlian lebih awal menurut Peraturan-Peraturan yang terkandung di dalam ini, tempoh keahlian seseorang individu sebagai CBO adalah selama tempoh duabelas (12) bulan dan setiap pembaharuan keahlian yang seterusnya adalah selama tempoh duabelas (12) bulan. Tempoh duabelas (12) bulan tersebut (tidak kira sama ada keahlian telah ditamatkan atau tidak) adalah dirujuk sebagai "Tempoh Keahlian".

4.2 Pembaharuan keahlian adalah bukan secara automatik dan Syarikat mempunyai hak mutlak mengikut menurut budi bicara untuk memperbaharui atau menolak pembaharuan keahlian mana-mana CBO atas sebarang alasan dan berhak mempertimbangkan tingkah laku CBO yang berkenaan bagi menentukan sama ada keahliannya disambung atau tidak, atau untuk memberikan tempoh bertenang yang difikirkan sesuai kepada CBO yang berkenaan untuk memperbaharui keahliannya. Kaedah dan cara pembaharuan akan ditetapkan oleh Syarikat

dari semasa ke semasa dan diterbitkan dengan cara yang dianggap sesuai dan wajar oleh Syarikat, termasuk penerbitan di laman web rasmi Syarikat, dalam Aplikasi atau melalui platform media sosialnya.

- 4.3 Kecuali keputusan CNI sebaliknya sekiranya permohonan untuk memperbaharui keahlian tidak dikemukakan menurut mod, cara, dan tempoh pembaharuan seperti yang ditetapkan oleh Syarikat dari semasa ke semasa, atau keahlian CBO tidak diperbaharui oleh Syarikat, maka perlantikan CBO akan dianggap telah ditamatkan apabila tamat Tempoh Pelantikan dan sehubungan itu CBO berkenaan dilarang menyatakan dirinya sebagai CBO Syarikat atau mengurus niaga, menjual, atau sebaliknya berurusan dengan mana-mana produk Syarikat dalam apa-apa cara atau pada mana-mana akaun sekalipun.

CONTOH

Annuar diterima sebagai CBO kepada Syarikat pada 1.1.2006. Keahlian Annuar akan tamat tempoh pada 31.12.2006 [Peraturan 4.1]

Annuar mesti memperbaharui keahliannya menurut cara yang ditetapkan oleh Syarikat dan jika dia gagal berbuat demikian, keahliannya dianggap telah tamat melainkan Syarikat mengambil keputusan sebaliknya [Peraturan 4.2]

Walaupun Annuar mungkin telah mematuhi mod dan cara pembaharuan pengedaran yang ditetapkan oleh Syarikat, keahlian Annuar tidak akan disambung secara automatik. Syarikat berhak mempertimbangkan tingkah laku atau tindakan atau pencapaian Annuar bagi menentukan sama ada keahlian Annuar perlu disambung atau tidak. (Peraturan 4.2)

- 4.4 Walaupun Syarikat mungkin telah memperbaharui tempoh pelantikan CBO, walaupun CBO belum membuat permohonan untuk pembaharuan di bawah Peraturan 4.2 di atas, kewajipan CBO memohon kepada Syarikat untuk memperbaharui pelantikannya dalam tahun(-tahun) berikutnya tidak akan sama sekali terjejas atau ditafsirkan sebagai diketepikan oleh Syarikat. Sehubungan dengan itu, sekiranya CBO gagal dan/atau cuai membuat permohonan untuk memperbaharui pelantikannya mengikut peruntukan Peraturan 4.2 di sini, perkara berhubung dengan mana-mana tempoh pembaharuan yang diperuntukan dalam Peraturan 4.3 di sini akan terpakai.
- 4.5 (a) Syarikat diberikuasa oleh CBO dan berhak untuk menyiarkan nama dan butiran CBO atau gambarnya atau rencana mengenai CBO atau sebarang testimonial CBO di dalam CBC, surat berita, suratkhobar, televisyen, radio, majlis, multimedia dan sebarang perantaraan lain untuk menyebarkan kepentingan Syarikat;
- (b) Dengan menjadi CBO kepada Syarikat, CBO memberi kepada Syarikat kebenaran dan hak kuasa seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 4.5(a) di atas berserta hak untuk menyiarkan maklumat seperti disebut di atas secara percuma dan tanpa apa-apa caj, komisen, royalti atau lain-lain bayaran;
- (c) Hak tersebut akan kekal dan tidak termansuh walaupun keahlian CBO telah tamat dan hakcipta ke atas gambar, rencana, perakuan dan lain-lain dokumen kekal menjadi hak milik Syarikat setiap masa dan CNI berhak untuk menyiarkannya pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai tanpa sebarang tuntutan atau halangan daripada CBO berkenaan.
- 4.6 Apabila tempoh pelantikan CBO dengan pangkat eksekutif telah tamat atau luput:
- (a) jika CBO tidak mempunyai jualan peribadi, Syarikat boleh menggantikan keahlian CBO yang tamat atau luput itu dengan pemegang tempat (placeholder);
- (b) jika CBO telah mencapai jumlah jualan peribadi terkumpul seperti yang ditetapkan oleh Syarikat dari semasa ke semasa, Syarikat boleh memperbaharui keahlian CBO dengan atau tanpa syarat.
- 4.7 Apabila tempoh pelantikan CBO dengan pangkat AM atau ke bawah telah tamat atau luput, keahlian CBO yang tamat atau luput bersama keseluruhan downlinenya atau mana-mana bahagiannya boleh diserahkan (pass up) kepada upline beliau.

5. CONDUCT OF BUSINESS

- 5.1 Semua CBO berdaftar dan sah akan diberikan e-Kad Kuasa dan setelah CBO berkenaan menerima e-Kad Kuasa tersebut, beliau perlu mencetak Kad Kuasa itu dan melekatkan gambarnya berukuran 3.2cm x 3.8cm (tanpa birai hias) pada Kad tersebut. Mana-mana Kad Kuasa tanpa gambar CBO adalah tidak sah dan dianggap telah digunakan tanpa kebenaran Syarikat.

- 5.2 Dalam setiap kegiatan jualan atau rundingan, CBO mesti ada bersamanya e-Kad Kuasa yang sah dan juga Kad Kuasa yang telah dicetak dan CBO mesti memperkenalkan diri dengan menunjukkan e-Kad Kuasa yang sah beserta Kad Kuasa yang telah dicetak dan Kad Pengenalan diri.
- 5.3 CBO mesti pada setiap masa mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 dan semua peraturan yang dibuat sejajar dengannya (dan/atau lain-lain undang-undang yang seumpamanya dan berkuatkuasa pada masa ini) dan khususnya CBO yang menjalankan jualan dari pintu ke pintu dalam erti kata yang termaktub dalam definisi “jualan dari pintu ke pintu” oleh Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993, (dan/atau lain-lain undang-undang yang seumpamanya dan berkuatkuasa pada masa ini), dikehendaki:
- (a) Tidak mengunjungi mana-mana kediaman pada hari cuti am atau mana-mana hari di antara jam 7 malam hingga tengah malam tanpa membuat temu janji terlebih dahulu;
 - (b) Apabila jualan produk Syarikat bernilai RM300 atau lebih, atau jumlah yang ditetapkan oleh undang-undang yang terpakai bagi tempoh bertenang, CBO berkenaan perlu memastikan kontrak jualan adalah secara bertulis dan mesti menyatakan pada bahagian atas ruang tandatangan pembeli pernyataan “KONTRAK INI TERTAKLUK KEPADA TEMPOH BERTENANG 10 HARI BEKERJA” dalam huruf besar bersaiz tidak kecil daripada 18 poin dan perlu dipastikan kontrak tersebut ditandatangani oleh CBO dan pembeli terbabit dan sebaik sahaja selepas itu CBO dikehendaki memberikan satu salinan kontrak berkenaan kepada pembeli berserta notis pemberitahuan hak pembeli membatalkan kontrak berkenaan sebelum tamat tempoh bertenang yang disebut terdahulu dan notis dalam bentuk seperti yang ditetapkan oleh Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993. Tambahan lagi, produk itu tidak boleh dihantar dan bayaran tidak boleh dikutip dari pembeli dalam Tempoh Bertenang;
 - (c) CBO mesti meninggalkan tempat pelanggan dengan segera apabila diminta berbuat demikian dan tidak menggagahi atau memaksa pelanggan mendengar penerangannya
- 5.4 CBO dikehendaki mengeluarkan resit kepada pelanggan untuk kesemua produk yang dibelinya dan resit tersebut perlu menyatakan dengan jelas nama produk, harga, nama CBO, nombor kod dan ditandatangani oleh CBO.
- 5.5 CBO dikehendaki mematuhi dan menuruti Peraturan-peraturan ini (termasuk sebarang pindaan ke atasnya) dan Kod Etika yang dikeluarkan oleh Syarikat.
- 5.6 CBO dikehendaki memperkenalkan produk Syarikat dan Rancangan Perniagaan CNI (CAP) kepada prospek pelanggan atau CBO secara jujur dan benar dan dilarang membuat sebarang pernyataan palsu atau mengelirukan atau menggunakan sebarang kekerasan atau sebarang bentuk ugutan dalam keghairahannya menjual produk-produk atau menaja mana-mana individu sebagai CBO kepada Syarikat dan dia dilarang sama sekali menggunakan isu perkauman, politik, agama atau isu-isu sensitif yang lain untuk menjual produk-produk Syarikat.
- 5.7 CBO mesti menunjukkan dan menerangkan dengan jelas kepada pembeli dan orang tajaannya (downline) tentang cara pengambilan yang betul dan keberkesanan produk Syarikat dan dia dilarang sama sekali membuat pernyataan palsu, atau mengelirukan atau salah berkaitan dengan penerangan produk Syarikat, pengambilannya, kesan dan keberkesanannya. Sekiranya CBO membuat sebarang kenyataan palsu, mengelirukan, atau salah nyata lain, CBO tersebut akan dianggap bertindak atas kehendaknya sendiri dan akan bertanggungjawab secara peribadi untuk memberi ganti rugi kepada Syarikat serta memastikan Syarikat tidak menanggung sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Syarikat.
- 5.8 (a) CBO ialah seorang kontraktor bebas/usahawan bebas dan dilarang mendakwa dirinya sebagai pengedar tunggal dan eksklusif Syarikat dan dia dilarang bertindak sebagai atau mengelirukan orang ramai atau pengguna bahawa dia adalah rakan kongsi atau ejen atau pekerja Syarikat. Sehubungan dengan itu CBO dikehendaki mendaftarkan perniagaannya dengan pihak berkuasa yang berkaitan kecuali tujuan keahliannya adalah untuk membeli produk bagi kegunaan sendiri atau bagi tujuan kebajikan. CBO perlu bertanggungjawab dalam mengemukakan penyata pendapatan dan akaunnya kepada pihak berkuasa yang berkaitan dan perlu menanggung segala penalti cukai dan denda yang dikenakan kepadanya oleh pihak berkuasa yang berkaitan.
- (b) CBO tidak boleh menukar pendaftarannya dari pemilikan tunggal kepada perkongsian dengan pihak berkuasa berkaitan.
- 5.9 CBO tidak dibenarkan mendakwa dirinya mewakili atau mempunyai kuasa untuk mewakili Syarikat dalam apa jua urusan atau transaksi.

5.10 CBO berpangkat Eksekutif atau menikmati faedah-faedah pangkat Eksekutif atau CBO yang pasangannya atau isteri atau isteri-isterinya berpangkat Eksekutif dilarang atau dengan apa cara sekalipun terlibat atau berminat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam kegiatan syarikat jualan langsung/syarikat jualan langsung berperingkat atau mana-mana syarikat yang bersaing dengan Syarikat. CBO dianggap terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam kegiatan syarikat jualan langsung/syarikat jualan langsung berperingkat atau mana-mana syarikat yang bersaing dengan Syarikat, jika:

- (a) CBO dan/atau pasangannya atau isteri lain atau isteri-isteri lainnya ialah kakitangan (pangkat Eksekutif atau Pengurusan dan ke atas), pemegang saham atau pengarah syarikat jualan langsung lain atau syarikat jualan langsung berperingkat yang lain atau mana-mana syarikat yang bersaing dengan Syarikat; atau
- (b) CBO dan/atau pasangannya atau isteri lain atau isteri-isteri lainnya ialah pengedar atau ahli atau agen atau wakil atau jurucakap atau penceramah atau pelatih syarikat jualan langsung lain atau syarikat jualan langsung berperingkat yang lain atau mana-mana syarikat yang bersaing dengan Syarikat; atau
- (c) CBO dan/atau pasangannya atau isteri lain atau isteri-isteri lainnya terlibat dalam penjualan, pengedaran atau mempromosi produk syarikat jualan langsung lain atau syarikat jualan langsung berperingkat yang lain atau mana-mana syarikat yang bersaing dengan Syarikat; atau
- (d) CBO dan/atau pasangannya atau isteri lain atau isteri-isteri lainnya terlibat dalam sebarang kapasiti penasihat atau perundingan kepada syarikat jualan langsung lain atau syarikat jualan langsung berperingkat yang lain atau mana-mana syarikat yang bersaing dengan Syarikat; atau
- (e) CBO dan/atau pasangannya atau isteri lain atau isteri-isteri lainnya menawarkan atau terlibat dalam memberi sebarang perkhidmatan atau latihan kepada mana-mana orang yang bukan CBO tidak kira sama ada perkhidmatan atau latihan tersebut melibatkan syarikat jualan langsung lain atau syarikat jualan langsung berperingkat yang lain atau mana-mana syarikat yang bersaing dengan Syarikat

Sebuah syarikat akan dianggap bersaing dengan Syarikat, jika:

- (i) syarikat tersebut menjalankan perniagaan atau terlibat dalam penjualan atau pemasaran atau promosi insurans, tabung amanah, keahlian, program loyalti, kad, program pelaburan, atau produk-produk lain dan orang yang menjalankan jualan atau pemasaran atau promosi tersebut mendapat faedah (sama ada wang atau sebaliknya); atau
- (ii) jika tatacara pelaksanaan syarikat atau perniagaan itu melibatkan sebarang bentuk pengambilan ahli atau penajaan atau skim di mana mana-mana individu atau pihak yang diambil sebagai ahli atau ditaja atau mengambil bahagian akan mendapat faedah (berbentuk wang atau sebaliknya) atau perlu menjual atau mempromosi atau mengedarkan produk-produk syarikat itu;

Jenis-jenis syarikat yang tersenarai di atas adalah tidak menyeluruh dan sama ada sesebuah syarikat bersaing dengan Syarikat adalah ditentukan oleh pihak Syarikat secara mutlak dan tidak boleh dipertikaikan oleh CBO atas apa jua keadaan sekalipun. Rujukan bagi maksud "syarikat" atau "syarikat-syarikat" seperti yang di atas adalah termasuk mana-mana syarikat yang termaktub di bawah Akta Syarikat 1965, milik persendirian atau perkongsian (sama ada didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau tidak), badan (korporat dan tidak dikorporatkan) dan persatuan.

5.11 (a) Seorang CBO tidak boleh, tanpa kebenaran atau persetujuan bertulis daripada Syarikat, menjual, mempamerkan, atau mempromosikan mana-mana produk Syarikat di kedai, pasar/kedai tentera, pasar mini, pasar raya, kompleks membeli-belah, gedung serbaneka, kelab (peribadi atau sebaliknya), atau mana-mana tempat yang terbuka kepada orang awam atau sebahagian daripada orang awam, atau melalui internet atau mana-mana platform e-dagang, media sosial atau saluran elektronik lain, atau menjual produk Syarikat kepada mana-mana individu untuk dijual di tempat-tempat yang tersebut, dan melainkan jika kebenaran atau persetujuan bertulis telah diperoleh daripada Syarikat, CBO juga dilarang meletakkan iklan di surat khabar, majalah, internet atau mana-mana platform e-dagang, media sosial atau saluran elektronik lain, atau penerbitan atau elektronik atau media lain yang mempromosikan dirinya atau produk. Apabila kebenaran atau persetujuan diberikan oleh Syarikat untuk CBO melaksanakan penjualan melalui internet atau platform e-dagang, media sosial, atau saluran elektronik lain, CBO dikehendaki mematuhi semua terma dan syarat yang ditetapkan oleh Syarikat dalam pemberian kebenaran tersebut serta mematuhi semua undang-undang, peraturan, dan garis panduan yang sedang berkuat kuasa, termasuk semua polisi, garis panduan, dan arahan yang ditetapkan atau dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan atau DSAM.

- (b) CBO dilarang dari membeli Produk CNI daripada satu negara dan kemudian menjualnya semula di negara yang lain. Larangan ini terpakai sama ada atau tidak produk itu disenaraikan di dalam senarai produk CNI di negara berkenaan dan sama ada atau tidak CBO berkaitan mendapat keuntungan daripada jualan tersebut. Untuk tujuan fasal ini, Syarikat adalah merangkumi kumpulan anak-anak Syarikat atau yang berkaitan atau syarikat bersekutu.
- (c) Seseorang CBO dilarang menubuhkan apa-apa kedai jualan atau bekalan sama ada secara rasmi atau tidak rasmi untuk penjualan atau pengedaran produk Syarikat dan CBO dilarang sama sekali melekat atau mempamerkan nama, logo atau papantanda Syarikat di dalam atau di luar mana-mana premis atau tempat lain tanpa kelulusan bertulis daripada Syarikat.
- (d) Seseorang CBO tidak boleh sekali-kali dan dalam apa jua cara mengubah produk Syarikat sama ada dari segi isi kandungan, label, penulisan, brosur atau sebagainya;
- (e) Seorang CBO dilarang sama sekali menjual produk Syarikat selain daripada dalam bungkusan asal yang dibeli daripada Syarikat, dan sebarang bentuk pembungkusan semula atau penggabungan semula produk Syarikat untuk dijual atau sebaliknya, atau sebarang penjualan produk Syarikat dalam bentuk longgar atau dalam bahagian yang berasingan/dibuka adalah dilarang sama sekali.

5.12 Harga jualan produk Syarikat telah diluluskan oleh Kementerian yang berkenaan, dan oleh itu seorang CBO tidak dibenarkan menjual atau mengedar sebarang produk Syarikat pada apa juga harga atau syarat selain daripada yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh Syarikat dan CBO tidak dibenarkan menawarkan sebarang hadiah, diskaun, insentif atau muslihat promosi yang lain dalam penjualan atau pengedaran sebarang produk Syarikat selain daripada yang telah diluluskan oleh Syarikat. CBO mesti mematuhi dan mengikuti harga jualan yang ditetapkan oleh CNI.

5.13 Mana-mana CBO

- (a) Dilarang menggunakan logo, nama, cap dagang atau slogan Syarikat untuk sebarang tujuan tanpa kebenaran bertulis daripada Syarikat terlebih dahulu dan tidak dibenarkan dalam sebarang keadaan pun mempunyai dan menerbitkan atau mengedarkan sebarang kenyataan, brosur, risalah, surat sebaran, iklan dalam mana-mana media berkaitan apa-apa perkara tentang Syarikat, produknya, rancangan pembangunan perniagaan CNI dan lain-lain hal berkenaan dengan CNI tanpa kebenaran bertulis daripada Syarikat terlebih dahulu. Seorang CBO dilarang dengan tegas menggunakan, memaparkan, atau menerbitkan (sama ada secara terang-terangan, tersirat, atau sebaliknya) nama, logo, tanda dagangan, slogan, dan produk Syarikat dalam sebarang aktiviti yang tidak berkaitan dengan penjualan produk Syarikat.
- (b) Dilarang memasarkan, menjual, mengedarkan atau mempromosikan produk, perniagaan atau aktiviti syarikat lain tidak kira sama ada syarikat jualan langsung atau tidak kepada CBO lain atau merekrut atau menaja mana-mana CBO untuk menyertai syarikat lain sama ada syarikat itu syarikat jualan langsung atau tidak;
- (c) Dilarang menggunakan atau menjalankan sebarang aktiviti di mana-mana majlis, seminar, mesyuarat, program anjuran Syarikat, di pejabat, pusat pengedaran, pusat perkhidmatan Syarikat untuk mempromosi atau menjual produk sendiri atau produk syarikat lain atau orang lain.
- (d) yang berpangkat Double Diamond Agency Manager (DDAM) dan ke atas atau pangkat lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Syarikat untuk tertakluk kepada Peraturan ini, tidak boleh terlibat atau menjalankan lain-lain urusan atau perniagaan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Syarikat.

5.14 Seorang CBO tidak boleh, dalam apa jua keadaan atau di bawah sebarang alasan, membeli, menjual, mengedar, atau membuat sebarang pengaturan untuk membeli, menjual, atau mengedar mana-mana produk Syarikat atas nama CBO lain, sama ada CBO tersebut memberi kebenaran atau tidak terhadap penjualan atau pengedaran atas namanya. Seorang CBO juga tidak dibenarkan memujuk atau membuat sebarang pengaturan dengan downline sendiri atau downline CBO lain sehingga menyebabkan jualan downline sendiri atau downline CBO lain tersebut dianggap sebagai jualan CBO berkenaan.

- 5.15 CBO tidak dibenarkan menjual atau mengedar sebarang produk Syarikat di mana tempoh hayat penggunaan produk tersebut telah tamat atau hampir tamat. Sekiranya CBO melanggar Peraturan ini dan Syarikat dikehendaki menggantikan produk tersebut kepada pelanggan CBO, kos penggantian tersebut akan ditanggung oleh CBO, dan Syarikat berhak untuk memotong kos tersebut daripada bonus atau komisen CBO.
- 5.16 CBO tidak dibenarkan menyebarkan, menyatakan atau menerbitkan sebarang fitnah tentang Syarikat atau produk-produknya dan tidak dibenarkan menyebarkan, menyatakan atau menerbitkan sebarang komen atau kenyataan yang boleh atau berkemungkinan menjejaskan kepentingan, imej dan/atau reputasi Syarikat atau jualan produknya.
- 5.17 CBO tidak dibenarkan sama sekali membuat sebarang bertindak atau cuba membuat sebarang tindakan untuk mempengaruhi atau memujuk mana-mana CBO lain mengambil bahagian dalam penjualan, pengedaran, atau aktiviti-aktiviti syarikat jualan langsung atau syarikat pemasaran berperingkat yang lain atau mana-mana perniagaan lain.
- 5.18 Apabila CBO bukan pangkat Eksekutif menjadi pengedar atau ahli syarikat jualan langsung atau syarikat pemasaran berperingkat yang lain, CBO berkenaan perlu menyatakan kecenderungannya terhadap syarikat jualan langsung yang lain itu kepada Syarikat dan di mana seseorang CBO itu dinaikkan pangkat Eksekutif, beliau perlu melepaskan dan menolak semua hak kepentingannya di dalam syarikat jualan langsung atau syarikat pemasaran berperingkat yang lain itu dan bermula dari tarikh beliau dinaikkan pangkat Eksekutif, CBO berkenaan dilarang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam jualan, pengedaran dan/atau aktiviti syarikat jualan langsung atau syarikat pemasaran berperingkat yang lain itu. Kegagalan CBO untuk melepaskan dan menolak hak kepentingannya dalam syarikat jualan langsung atau syarikat pemasaran berperingkat yang lain itu selepas dinaikkan ke pangkat Eksekutif merupakan pelanggaran serius terhadap Peraturan Syarikat.
- 5.19 Apabila berlakunya mana-mana kejadian berikut dan atas permintaan CBO, Syarikat wajib membeli semula produk Syarikat daripada CBO pada harga yang telah dibayar oleh CBO, ditolak semua komisen yang telah dibayar oleh Syarikat berhubung dengan penjualan produk tersebut dan yuran pemprosesan seperti yang mungkin dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan (selepas ini dirujuk sebagai "Harga Pembelian Balik").

- (a) apabila CBO sendiri menamatkan keahliannya sebagai CBO kepada Syarikat, atau
- (b) apabila keahlian CBO ditamatkan oleh Syarikat;

Dengan Syarat Setiap Masa:

- (i) produk-produk tersebut dalam keadaan baik dan masih boleh dijual; dan
- (ii) tempoh masa dari tarikh produk tersebut dibeli (yang disokong oleh Invois berkaitan) hingga tarikh permohonan oleh CBO berkenaan kepada Syarikat untuk membeli balik produk-produk tersebut tidak melebihi 90 hari; dan
- (iii) BV, PV dan nilai mata atau faedah lain yang diperolehi oleh CBO berkenaan daripada jualan produk-produk tersebut ditolak daripada jualan dan komisen dan faedah lain yang terakru kepada CBO berkenaan akan diselaraskan; dan
- (iv) produk-produk tersebut dikembalikan terus ke Ibu Pejabat Syarikat atau pejabat cawangannya, dan
- (v) permohonan bertulis untuk pembelian balik dibuat kepada Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh CBO berkenaan berhenti menjadi CBO kepada Syarikat sama ada disebabkan keahliannya ditamatkan atau sebaliknya.

